

## ***Wanita Bangkit* berusaha banteras keganasan rumah tangga**

Oleh: Siti Rufaidah Mohamed Nasir, 1180392

SELANGOR: *Wanita Bangkit* berusaha membanteras keganasan rumah tangga, berikutan kes keganasan rumah tangga semakin menjadi-jadi dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Peningkatan kes jenayah juga berlaku dalam situasi yang tidak menentu ini sekali gus boleh mengancam keharmonian institusi kekeluargaan.

Wanita Bangkit 2020 adalah satu kempen advokasi untuk meningkatkan kesedaran dan mengangkat isu-isu yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga terhadap wanita di negeri Selangor.

Pengarah Program, Nur Ismalina Ishak berkata, program mengenai keganasan rumah tangga ini bertajuk “jalan selamat keluar dari keganasan rumah tangga”.

Program ini yang berlangsung pada hari Sabtu, 28 November lalu di Selangor membincangkan tentang keganasan rumah tangga dan cara membanterasnya.



Keganasan rumah tangga sering berlaku di negara kita.

Tujuan utama program ini diadakan adalah advokasi kepada keganasan rumah tangga dan ingin melawan keganasan rumah tangga.

Program ini berlangsung secara maya dan disiarkan melalui medium facebook di page Wanita Bangkit. Talian program dibuka seawal jam 9.45 pagi dan memaparkan tiga slot serta tamat pada jam 1 petang.

Program itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Exco Kerajaan Negeri Selangor, Dr. Siti Mariah Mahmud yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga. Beliau juga Pengetua Akademi Kepimpinan Wanita.

Program ini menampilkan tiga orang ahli panel yang hebat. Panelis yang pertama, YM Dr. Raja Kamariah Raja Mohd Khalid, mengupas topik “Keganasan Rumah Tangga dan Wanita di Selangor”. Beliau juga merupakan Pengarah Bahagian Pembangunan Psikologi, Jabatan Pembangunan Wanita, KPWKM.



Wanita sering menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Slot yang kedua dengan topik “Kita Jaga Kita: Komuniti dan Pemandiri Keganasan Rumah Tangga”, yang dibincangkan oleh panelis yang kedua, Nazreen Nizam yang merupakan Penyelaras Pembangunan Kapasiti, Women’s Aid Organization (WOA).

Slot yang ketiga iaitu slot terakhir yang berlangsung pada jam 12.15 tengah hari dengan topik “Jalan Selamat Keluar Dari Keganasan Rumah Tangga” yang dibawa oleh panelis yang ketiga iaitu Fadhlina Sidek yang juga merupakan Peguam Syariah dan Aktivis.

Sasaran penonton bukan sahaja untuk golongan wanita, bahkan untuk seluruh rakyat Selangor khususnya. Program itu turut mendapat sambutan yang baik daripada penonton, dan melebihi sasaran yang disasarkan.

Harapan dari program ini adalah supaya masyarakat bukan sahaja tahu tentang keganasan rumah tangga, bahkan ingin meningkatkan kefahaman tentang keganasan rumah tangga bukan sahaja fizikal, bahkan ia juga melalui kewangan, sosial, psikologi dan emosi.